

Amalan Aqiqah



Kelahiran seorang anak memang dinanti-nantikan sesebuah keluarga demi menambah kebahagiaan dan kerukunan rumahtangga. Mengikut sunnah Rasulullah SAW, melaksanakan Aqiqah dan

memberikan dagingnya sebagai sedekah, apatah lagi ianya dinikmati oleh saudara seagama yang fakir miskin dan kebuluran, akan dapat menambahkan keberkatan dan mempererat lagi tali persaudaraan serta kasih sayang sesama Muslim.

Sabda Rasulullah SAW:

" Bersama bayi yang lahir itu Aqiqah, oleh itu mengalirkanlah darah (dengan menyembelih haiwan) untuknya, dan jauhkan baginya segala penyakit (dengan mencukur rambut)".

(Hadith Riwayat Bukhari)


Hukum Aqiqah adalah Sunnah Mu'akkadah yakni sunnah yang sangat dituntut dan kerana itu amalan Aqiqah harus **difahami** dan **dihayati** agar hikmahnya dicapai.

Hikmah Aqiqah

- 1 Melahirkan rasa kesyukuran kerana mendapat zuriat yang menepati sunnah Rasulullah .
- 2 Membiasakan masyarakat Muslim dengan pemakanan 'halaalan thoyibba' sejak bayi lagi untuk membentuk kemantapan aqidah.
- 3 Mengeratkan hubungan silaturrahim sesama Muslim diseluruh dunia.

Dalam kesibukan kita menghargai kehidupan dunia dan keadaan masa yang terbatas, kadang-kadang kita lupa tanggungjawab sebagai umat Islam dan ibu bapa, mengakibatkan ibadah yang bukan wajib seperti Aqiqah menjadi tertangguh.

Justeru itu, **Muslim Aid Asia** bersama **Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia** kini mengambil inisiatif memperkenalkan program Aqiqah kepada masyarakat Muslim di Malaysia bagi membantu memudahkan pelaksanaan ibadah Aqiqah ini.



Aqiqah Cara Muslim Aid



Umat Islam di Malaysia kini boleh melaksanakan Aqiqah secara lebih **MUDAH, AMAT MURAH** dan **AMANAH** melalui program anjuran rangkaian Muslim Aid yang berpengalaman lebih daripada 20 tahun menyalurkan ibadah Aqiqah dan Qurban ke serata dunia.

Muslim Aid mengajak anda menterjemahkan rasa kesyukuran atas rezeki (cahaya mata) kurniaan Allah dengan membantu golongan daif menikmati makanan (daging kambing).

MUDAH

Muslim Aid mempunyai rangkaian hampir di seluruh dunia dan mudah untuk menyaring bakal penerima bantuan demi memastikan pelaksanaan bantuan sampai kepada sasaran. Peserta hanya perlu mengisi borang yang disediakan berserta kosnya, **Insyallah** langkah seterusnya kami di **Muslim Aid** yang akan menguruskannya.

AMAT MURAH

Dengan hanya RM380.00 untuk seekor kambing, kami akan melakukan penyembelihan di tempat-tempat terpilih, dimasak dan diagihkan kepada penduduk miskin setempat iaitu mereka yang betul-betul memerlukannya. Kami menawarkan perkhidmatan Aqiqah untuk pelaksanaan di Bangladesh, Indonesia dan Kemboja.

AMANAH

Setelah segala proses di atas selesai, **Muslim Aid** akan mengeluarkan sijil yang tertulis nama anak berserta gambar penyembelihan Aqiqah dilakukan. Pengesahan juga boleh didapati dengan melayari laman web kami di www.aqiqahmuslimaid.blogspot.com.

Aqiqah Sebagai Hadiah



Selain dari ibu bapa, saudara-mara ataupun sahabat handai juga boleh bersama-sama meraikan kelahiran baru dengan menghadiahkan Aqiqah kepada bayi tersebut. Inilah hadiah

hari lahir yang paling bermakna bagi seorang bayi, bukannya barangan seperti sepasang pakaian yang sudah tidak muat dipakai selepas hanya 2 bulan.

Pilihan di tangan anda. Gunakanlah kebijaksanaan untuk memilih hadiah yang terbaik untuk yang tersayang.

Alangkah indahnya apabila rezeki menyambut kelahiran baru dapat diterjemahkan menjadi rezeki berupa sumbangan makanan bagi masyarakat terpinggir di Bangladesh, Indonesia dan Kemboja.

Dengan menghayati amalan Aqiqah cara **Muslim Aid**, **Insyallah** rasa kesyukuran mendapat rezeki cahayamata ini, nikmat iman dan Islam sebagai 'rahmatan lil'alamin' dapat kita kongsi bersama dengan saudara seagama kita di seluruh dunia.



